



PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA

No. Tel : 03 – 8870 4426
Emel : ukk@dof.gov.my
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

Program Melabuh Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda Meningkatkan Ekonomi Nelayan Kuala Selangor

10 Ogos 2023, Kuala Selangor – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah melabuhkan tukun dasar lembut penghalang pukat tunda di perairan Kuala Selangor melalui peruntukan sebanyak RM360 ribu yang disalurkan oleh kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Pejabat Perikanan Negeri Selangor telah mengikuti program melabuh 11 unit tukun di kira-kira 3.2 batu nautika.

Sebanyak 22 unit Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda akan dilabuhkan pada tahun 2023. Kerajaan Negeri Selangor turut memperuntukkan sebanyak RM 350 ribu bagi melabuhkan 11 unit tukun di perairan Sabak Bernam yang masih dalam pembinaan. Melalui peruntukan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, Jabatan Perikanan Malaysia telah melabuhkan sebanyak 212 unit tukun pelbagai jenis iaitu tukun dasar lembut (TDL) dan Tukun Dasar Lembut Penghalang Pukat Tunda (TDLPPT) di Negeri Selangor sejak tahun 2006 sehingga tahun 2022.

Melalui rekod Jabatan Perikanan Malaysia, sebanyak 35 unit tukun dilabuhkan di Sabak Bernam, 68 di Kuala Selangor, 95 di Kuala Langat dan 14 di Sepang.

Jabatan menjangkakan 11 tukun yang dilabuhkan pada hari ini akan memberi manfaat ekonomi kepada 7,668 nelayan di Negeri Selangor khususnya 1,187 nelayan Kuala Selangor. Pada tahun 2022, pendaratan ikan di perairan Kuala Selangor mencatatkan 21,661 tan metrik dari keseluruhan pendaratan perikanan tangkapan Negeri Selangor iaitu 171,055 ribu tan metrik. Dari nilai ekonomi, perikanan tangkapan Kuala Selangor telah menyumbang kepada RM17.94 bilion.

Aktiviti melabuh tukun merupakan program konservasi yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia setiap tahun. Jabatan ini juga akan membina, melaksana program dan melakukan kerja-kerja melabuh tukun tiruan secara berterusan dari masa ke semasa di masa hadapan bagi meningkatkan sumber perikanan agar sentiasa mampan dan menjamin sekuriti makanan negara.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my

